

Syarahan oleh Prof. Dr. Khoo Yin Yin: Inovasi dalam Pembelajaran Literasi Kewangan Secara Digital

Tanjong Malim, 19 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Fakulti Pengurusan dan Ekonomi menjalankan program Syarahan Suluh Budiman mengetengahkan kajian inovasi dalam pembelajaran literasi kewangan secara digital oleh Profesor Dr. Khoo Yin Yin, seorang ilmuwan dalam bidang Pendidikan Ekonomi dan Perdagangan.

Program yang diadakan di Dewan Jauhar, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-

Kanak Negara Kampus Sultan Azlan Shah (KSAS) UPSI, bermula dengan ucapan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI, Profesor Dr. Abdul Rahim Razalli.

Beliau menyatakan signifikan program dan kajian yang dilakukan oleh Prof. Dr. Khoo Yin Yin terhadap perkembangan pendidikan menerusi pengajaran dan pembelajaran digital. Fokus penyelidikan Prof. Khoo Yin Yin adalah kajian kuantitatif berbentuk eksperimen kuasi, yang telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu di UPSI dan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa." Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi UPSI, Profesor Madya Dr. Mohd Asri Mohd Nor, berkongsi berkenaan biodata, dan katakter Prof. Dr. Khoo Yin Yin sebagai seorang pengkaji dan pemimpin.

"Prof. Dr. Khoo Yin Yin adalah ilmuwan yang telah menjalankan penyelidikan yang berimpak, terutamanya dalam bidang pembelajaran mobil dan pembelajaran permainan yang mempunyai elemen augmented reality.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UKLK Cibo Market Lahirkan Graduan Holistik Berciri Keusahawanan

Tanjong Malim, 19 April-

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), melalui Unit Kediaman Luar Kampus (UKLK) dan Majlis Mahasiswa Kediaman Luar Kampus (MMKLK) melaksanakan Majlis Perasmian UKLK Cibo Market bersempena dengan Program Riang Ria Raya UKLK Cibo Market yang berlangsung di Bangunan Bitarasiswa, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS).

Program yang dianjurkan ini merupakan satu inisiatif oleh UKLK sebagai mempromosi semula UKLK Cibo Market selepas ianya direhatkan semasa cuti

semester dan cuti hari raya aidilfitri.

Program ini bertujuan untuk memasyarakatkan universiti dengan mempereratkan hubungan dengan masyarakat setempat dan memberi peluang kepada mereka melalui aktiviti perniagaan dalam kemeriahan sambutan perayaan.

Program yang berlangsung bermula dari jam 8.00 pagi ini mendapat sambutan baik daripada seluruh warga UPSI dan masyarakat setempat.

Aktiviti Gerai jualan UKLK Cibo Market akan diteruskan setiap hari Rabu bermula jam 2.00 petang sehingga 10.00 malam.



Majlis Ramah Mesra Pelajar Sulung 1.0

Tanjong Malim, 4 April-

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah menganjurkan Majlis Ramah Mesra Pelajar Sulung 1.0 bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPSI, Professor Dr. Norkhalid Salimin.

Majlis yang diadakan

di Bangunan Pusat Pelajar UPSI dihadiri oleh 10 ahli Pelajar Sulung 1.0 yang turut memeriahkan sesi beramah mesra bersama Professor Dr. Norkhalid Salimin.

"Saya sangat berbesar hati dapat beramah mesra dengan pelajar sulung pada majlis hari ini. Semangat dan dedikasi yang anda

tunjukkan adalah satu inspirasi buat kami di UPSI.

Teruslah berusaha dan teruskan perjuangan untuk kecemerlangan, focus menjadi yang terbaik dan istiqamah meneroka peluang yang ada bagi memajukan diri sendiri" pesan Profesor Dr. Norkhalid Salimin dalam ucapan beliau.



Kontinjen UPSI Sedia Gempur Karnival Sukan MASUM

Tanjong Malim, 19 April-

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melaksanakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen UPSI ke Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Fasa 1 2024 yang akan berlangsung di Universiti Malaysia Sabah UMS pada 22 sehingga 28 April.

Bendera Kontinjen UPSI diserahkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Profesor Dr. Norkhalid Salimin, kepada Ketua

Kontinjen UPSI, Prof Madya Dr. Izwan Shahril adalah satu langkah penting dalam bagi membakar semangat atlet kontinjen.

UPSI telah menghantar 59 atlet yang akan menandingi lima jenis sukan yang dipertandingkan di MASUM Fasa 1 iaitu Bola Tampar Pantai, Memanah, Petanque, Silat dan Taekwondo.

UPSI menyasarkan kedudukan ketiga daripada 20 Universiti Awam dengan sasaran 16 pingat emas terdiri

daripada lima dari Pasukan Silat, lima dari Pasukan Taekwondo, tiga emas dari Pasukan Memanah, dua emas dari Pasukan Petanque dan satu emas daripada Pasukan Bola Tampar Pantai.

Profesor Dr. Norkhalid bin Salimin menambah, "Kejayaan bukanlah hanya tentang memenangi pingat, tetapi juga tentang semangat kejuaraan dan pengalaman yang diperoleh dalam proses mencapai matlamat.

Sketsa Sambutan Qalbu @ Raya Jabatan Canselor

